

**PERATURAN PERMAINAN PETANQUE****1. Peraturan Teknikal****1.1 Undang - undang permainan**

1.1.1 Merujuk kepada edisi terkini Undang-Undang Rasmi Sukan Petanque (Official Rules of The Sport of Petanque) di bawah Federation Internationale De Petanque Et Jeu Provencal (FIPJP) yang berkuatkuasa 1 Januari 2017.

**1.4 Perkara yang tidak dinyatakan**

1.4.1 Rujuk Peraturan AM SUKIPT IV

**2. Peraturan Pertandingan****2.1 Acara/Kategori yang dipertandingkan**

2.1.1 Kategori Individu

2.1.1.1 Single Lelaki

2.1.1.2 Single Wanita

2.1.1.3 Double Lelaki

2.1.1.4 Double Wanita

2.1.1.5 Triple Lelaki

2.1.1.6 Triple Wanita

2.1.2 Tiada pertandingan melibatkan kategori berpasukan.

**2.2 Pendaftaran dan pembentukan Pasukan**

2.2.1 Seorang pemain disarankan menyertai satu (1) acara

2.2.2 Seorang pemain di benarkan mendaftar dua (2) acara dengan syarat bahawa pemain yang berdaftar bagi acara single tidak dibenarkan mendaftar bagi acara double, atau sebaliknya. Pemain hanya boleh mendaftar salah satu daripada acara single atau double.

2.2.3 Tiada halangan kepada pemain yang telah berdaftar bagi acara single atau double, untuk mendaftar bagi acara triple.

**2.3 Sistem Pertandingan**

2.3.1 Pertandingan dijalankan melalui dua (2) peringkat iaitu;

2.3.1.1 Peringkat pertama melibatkan kaedah pertandingan *double knockout* berkumpulan.

2.3.1.2 Peringkat kedua melibatkan kaedah pertandingan kalah mati.

2.3.2 Bagi pertandingan peringkat pertama, agihan pasukan kedalam kumpulan adalah melalui kaedah undian.

2.3.3 Hanya dua pasukan terbaik daripada setiap kumpulan akan layak ke pertandingan peringkat kedua.

2.3.4 Peserta / pasukan yang memenangi pertandingan peringkat kedua dinobatkan sebagai pemenang pertandingan.

2.3.5 Pertandingan adalah merujuk kepada kaedah pertandingan bermasa dan mata penamat 13 mata, yang mana lebih terdahulu.

2.3.6 Keputusan perlawanan pada borang markah perlu disemak dan ditandatangani oleh kedua-kedua peserta / pasukan bertanding dan disahkan oleh arbiter perlawanan.

- 2.3.7 Tiada bantahan boleh dibuat sekiranya peserta tidak mengesahkan borang markah perlawanan.
- 2.3.8 Mesyuarat pengurus pasukan wajib dihadiri oleh semua pengurus pasukan yang bertanding. Sebarang keputusan jawatankuasa teknikal adalah muktamad.

**2.4 Pakaian Pertandingan**

- 2.4.1 Setiap pemain perlu menggunakan pakaian sukan bag ikontinjen / institusi masing-masing.
- 2.4.2 Nama singkatan kontinjen / institusi perlu dicetak dengan jelas pada bahagian sebelah belakang pakaian.
- 2.4.3 Pemain mesti berpakaian sukan lengkap iaitu baju berlengan, berseluar panjang, berstokin dan berkasut.
- 2.4.4 Pakaian iaitu baju dan seluar mestilah seragam bagip eserta / pasukan yang bertanding dalam acara yang melibatkan lebih daripada seorang pemain. Ini termasuk penggunaan topi atau tudung yang seragam sekiranya berkaitan.
- 2.4.5 Bahan pakaian jenis denim, seluar potongan jeans, atau pun pakaian ketat adalah tidak dibenarkan.
- 2.4.6 Pihak penganjur melalui jawatankuasa teknikal pertandingan berhak menghalang mana-mana peserta yang tidak mematuhi peraturan pakaian daripada meneruskan pertandingan.

**2.5 Peralatan Pertandingan**

- 2.5.1 Pemain perlu menyediakan boule masing-masing. Boule mestilah mematuhi kriteria yang ditetapkan oleh FIPJP.
- 2.5.2 Gelungan jack disediakan oleh penganjur pertandingan dan perlu kembalikan selepas sesuatu perlawanan selesai.
- 2.5.3 Peserta dikehendak imelakukan ukuran sekiranya perlu dengan menggunakan peralatan ukur yang wajar. Peserta tidak dibenarkan melakukan anggaran jarak menggunakan mata atau anggota tubuh.

**2.6 Hadiah Kemenangan**

- 2.6.1 Hadiah kemenangan adalah seperti jadual berikut;

| Permainan       | Emas       |        | Perak      |        | Gangsa     |        | Jumlah     |        |
|-----------------|------------|--------|------------|--------|------------|--------|------------|--------|
|                 | Ditawarkan | Jumlah | Ditawarkan | Jumlah | Ditawarkan | Jumlah | Ditawarkan | Jumlah |
| <b>Petanque</b> |            |        |            |        |            |        |            |        |
| Single Lelaki   | 1          | 1      | 1          | 1      | 2          | 2      | 1          | 4      |
| Single Wanita   | 1          | 1      | 1          | 1      | 2          | 2      | 1          | 4      |
| Double Lelaki   | 1          | 2      | 1          | 2      | 2          | 4      | 1          | 8      |
| Double Wanita   | 1          | 2      | 1          | 2      | 2          | 4      | 1          | 8      |
| Triple Lelaki   | 1          | 3      | 1          | 3      | 2          | 6      | 1          | 12     |
| Triple Wanita   | 1          | 3      | 1          | 3      | 2          | 6      | 1          | 12     |

**3. Ringkasan Penyertaan**

| <b>Bil</b> | <b>Acara Sukan</b> | <b>Jumlah Atlet<br/>Lelaki</b> | <b>Jumlah Atlet<br/>Wanita</b> | <b>Pegawai</b> | <b>Jumlah Keseluruhan</b> |
|------------|--------------------|--------------------------------|--------------------------------|----------------|---------------------------|
| <b>1</b>   | <b>Petanque</b>    | <b>6</b>                       | <b>6</b>                       | <b>2</b>       | <b>14</b>                 |